

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN
AKTIVITI PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN
(PUSAT URUT & REFLEKSOLOGI)
MAJLIS DAERAH MERSING**

1. Dinding hadapan premis dan pintu masuk premis pusat penjagaan kesihatan hendaklah terdiri daripada cermin telus cahaya dan permukaan cermin tersebut hendaklah bebas dari sebarang pelekat, poster, filem penapis haba kurang daripada 50% ketelusan cahaya atau apa-apa yang boleh menghalang pandangan. Pintu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
2. Pemohon tidak dibenarkan membuat apa-apa sekatan (*partition*) samada berbentuk kekal (konkrit) atau separuh kekal (*gypsum board*).
3. Bagi urut refleksologi hanya dibenarkan meletakkan kerusi urut sahaja.
4. Reka bentuk bilik rawatan hendaklah mengikut konsep terbuka dan mestilah mempunyai cahaya dan pengudaraan yang sempurna dan mencukupi.
5. Pemegang lesen dilarang mempamerkan bahan lucah dalam premis urut atau sekitarnya dan papan tanda hendaklah dipamerkan pada setiap masa ditempat yang mudah dilihat di luar rumah urut.
6. Lokasi premis hendaklah berada di kawasan yang telah dizonkan dan sekurang-kurangnya 300meter daripada kawasan sensitif iaitu rumah kediaman, rumah ibadat, sekolah, institusi pendidikan dan pejabat kerajaan.
7. Rekod yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan/passport, alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan dengan pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan dan sentiasa dikemaskini.
8. Pekerja dan tukang urut yang berumur di bawah 18 tahun tidak dibenarkan.
9. Pekerja dan tukang urut hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan tidak mencolok mata.
10. Semua pekerja hendaklah memakai tanda nama.

PERHATIAN

Syarat-syarat di atas masih terus berkuatkuasa sekiranya tempoh permit ini diperbaharui atau dilanjutkan sehingga ada arahan bertulis daripada Majlis Daerah Mersing membatalkan syarat-syarat tersebut.